MIMBAR NAKHODA



BIL: 3/9 REJAB 1435H/9 MEI 2014 **PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID**

ASAS-ASAS ISLAM

Hadhrat Syaikh ‘Abdul Haqq Muhaddits Dehlawi Rahmatullah ‘Alaih telah meriwayatkan di dalam Kitab Misykat Al-Mashabih dengan sanadnya dari Hadhrat Ibnu ‘Umar Radhiyallahu ‘Anhu berkata, Hadhrat Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda:

وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَبَارَكَ وَسَلَّمَ:
بُنِيَ الإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ وَإِقَامِ
الصَّلَاةِ وَإِيْتَاءِ الزَّكَاةِ وَالحَجِّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ . (مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ – مِدْرَاجُ الفَوَاتِيْحِ فِي شَرْحِ مِشْكَوةِ المَصَابِيْحِ)

“Islam itu dibina di atas lima perkara: 1) Bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah dan bahawa Muhammad Shallallahu ‘Alaihi Wasallam itu Hamba Allah dan PesuruhNya, 2) Mendirikan Sholah, 3) Memberi Zakat, 4) Menunaikan Haji dan, 5) Berpuasa pada bulan Ramadhan.” [Muttafaqun ‘Alaih – Midraj Al-Fawatih Fi Syarah Misykat Al-Mashabih]

PENGAJARAN HADITS

Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam telah memberikan perumpamaan Agama Islam sebagai sebuah bangunan yang mempunyai beberapa asas yang sangat penting kerana yang penting bagi sesebuah bangunan adalah asasnya. Asas bangunan berada di bawah dan tidak nampak. Agama Islam merangkumi Imaniyyat, ‘Ubudiyyat, Mu’amalat, Mu’asyarat, Akhlaqiyyat dan Siyasat. Imaniyyat dan ‘Ubudiyyat adalah merupakan perkara Asas Islam, manakala Mu’amalat, Mus’asyarat, Akhlaqiyyat dan Siyasat adalah ‘Imarat Islam yakni bangunan Syari’at bagi Agama Islam. Lima perkara yang dinyatakan di dalam Hadits ini adalah Imaniyyat dan ‘Ubudiyyat yang merupakan perkara asas bagi Agama Islam. Oleh kerana kedua-dua perkara ini berada di bawah sebagai asas bangunan maka kebanyakan manusia tidak melihat terhadap kepentingannya berbanding kepentingan Mu’amalat, Mu’asyarat, Akhlaqiyyat dan Siyasat yang merupakan bangunan Islam. Bangunan Islam tidak dapat dibina dengan kukuh sekiranya Asas Islam yang terdiri dari perkara-perkara Imaniyyat dan ‘Ubudiyyat di dalam diri seseorang tidak benar-benar kukuh.

JADUAL CERAMAH MASJID JAMEK KG. NAKHODA

HARI	MASA/TARIKH	PENGAJAR
JUMAAT	KULIAH MAGHRIB – 9/5/2014	Ust. Syarhan Humaizi Halim
SABTU	KULIAH SUBUH – 10/5/2014	Ust. Rosdi Ibrahim
SABTU	KULIAH MAGHRIB – 10/5/2014	Ust. Yusri Musa Al-Yamani
AHAD	KULIAH SUBUH – 11/5/2014	Ust. Abdul Rahim Nasir
AHAD	KULIAH MAGHRIB – 11/5/2014	Ust. Drs. Khoiruddin Mutain
ISNIN	KULIAH MAGHRIB – 12/5/2014	Ust. Abdul Aziz Aroff
SELASA	KULIAH MAGHRIB – 13/5/2014	Ust. Mohammad Ibrahim
RABU	KULIAH MAGHRIB – 14/5/2014	Ust. Farhan Mazlan

JADUAL KULIAH PENGAJIAN MASJID JAMEK KG.NAKHODA

HARI	MASA/TARIKH	PENGAJAR
SELASA	SLPS ISYA 9:30PM – 11:30PM (13/5/2014)	CUTI
RABU	SLPS ISYA 9:30PM – 11:30PM (14/5/2014)	CUTI
KHAMIS	SLPS ISYA 9:30PM – 11:30PM (15/5/2014)	Ustaz Jalalluddin
JUMAAT	SLPS ISYA 9:30PM – 11:30PM (16/5/2014)	Ustaz Jalalluddin

WAKTU-WAKTU MUSTAJAB DOA

Seseorang yang hendak berdoa kepada Allah Ta’ala sebaik-baiknya memerhatikan waktu-waktu tertentu yang merupakan waktu-waktu permohonan doanya mudah diterima oleh Allah. Antaranya ialah:

1. Hari ‘Arafah
2. Hari Tasyrik
3. Akhir tahun Hijrah
4. Awal Muharram
5. Bulan Rejab
6. Bulan Sya’aban
7. Bulan Ramadhan
8. Malam dua Hari Raya
9. Hari ‘Asyura
10. Hari Israk Mikraj
11. Hari Nisfu Sya’aban
12. Hari Nuzul Al-Quran
13. Hari Mawlid Nabi
14. Malam Lailatul Qadar
15. Waktu Sahur
16 .Ketika berpuasa
17. Waktu berbuka puasa
18. Hari Jumaat
19. Antara dua khutbah Jumaat
20. Antara Azan dan Iqamah
21. Sewaktu sujud Solat
22. Setelah selesai Solat
23. Setelah khatam Al-Quran
24. Ketika turun hujan
25. Ketika sedang sakit
26. Ketika di medan perang

Mimbar Nakhoda ini diterbitkan secara mingguanoleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kg. Sepakat Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi
Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

ALLAH WUJUD TANPA BERTEMPAT

Hadhrat Sayyidina ‘Ali Ibni Abi Thalib Radhiyallahu ‘Anhu telah berkata:

كَانَ اللهُ وَلاَ مَكَانَ وَهُوَ الآنَ عَلَى مَا عَلَيْهِ كَانَ

"Allah ada tanpa bertempat, Dia sebagaimana keadaanNya sebelum ini." (Riwayat Abu Manshur Al-Baghdadi)

Al-Hafidhz Ahmad Ibni Al-Hussain Al-Baihaqi (w. 458H) berkata dalam kitabnya Al-Asma Wal-Shifat:

“Sebahagian para sahabat kami mengambil dalil tentang penafian tempat daripada Allah Ta’ala dengan berdasarkan sabda Nabi Shallallahu ‘Alaihi Wasallam, ***“Engkau Azh-Zhahir maka tiada sesuatu pun di atasMu, dan Engkau Al-Bathin maka tiada sesuatu pun di bawahMu.”*** Dan jika tiada sesuatu pun di atasNya dan tiada sesuatu pun di bawahNya, maka Allah tidak berada di suatu tempat pun.”

IBNU ‘UMAR R.’ANHU

TOKOH ISLAM

Nama beliau ialah ‘Abdullah Ibni ‘Umar Ibni Khatthab Al-Qurasyi Al-‘Adawi Radhiyallahu ‘Anhu. Beliau memeluk Islam bersama ayahnya di Makkah sedangkan ketika itu beliau masih kecil.

Ketika berusia 13 tahun beliau ingin menyertai Perang Badar tetapi tidak dibenarkan oleh Hadhrat Baginda Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam kerana beliau masih muda remaja dan ketika berusia 14 tahun beliau ingin menyertai Perang Uhud namun masih tidak dibenarkan oleh Baginda. Ketika berusia 15 tahun beliau telah diberikan kebenarn untuk menyertai Perang Khandak.

Seorang telah bertanya kepadanya, “Sesungguhnya Allah telah berfirman di dalam Al-Quran sesuatu mengenai Solat di dalam aman dan di dalam keadaan ketakutan, sebaliknya Allah tidak berfirman sesuatu mengenai Solat dalam perjalanan?”

Beliau menjawab, “Duhai anak saudaraku! Sesungguhnya Allah telah mengutuskan Muhammad Shallallahu ‘Alaihi Wasallam sebagai PesuruhNya kepada kita, apabila kita berkeadaan jahil dan tidak mengetahui apa-apa, kita telah diperintahkan supaya mengikuti apa-apa yang telah kita lihat Baginda Rasulullah lakukan.” Ini menunjukkan bahawa tidaklah perlu segala peraturan patut diterangkan dengan jelas di dalam Al-Quran kerana amalan-amalan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam adalah sebaik-baik panduan untuk diamalkan.

Beliau banyak meriwayatkan Hadits daripada Hadhrat Nabi Shallallahu ‘Alaihi Wasallam dan juga telah meriwayatkan daripada Hadhrat Bilal, Rafi’ Ibni Khudaij, Zaid Ibni Tsabit dan ramai lagi Para Shahabat Ridhwanullah ‘Alaihim Ajma’in. Beliau wafat pada tahun 72 Hijrah.

SOLAT MUSAFIR:

Bagi orang yang Musafir atau dalam perjalanan yang jauh adalah diharuskan baginya melakukan Solat Fardhu secara **Qashar** iaitu meringkaskan Solat yang empat rakaat menjadi dua rakaat seperti Solat Zohor, ‘Ashar dan ‘Isya dengan niat seperti berikut: ***“Sahaja aku sembahyang Fardhu Zohor/’Ashar/’Isya dua rakaat kerana Allah Ta’ala.”*** Solat Maghrib dan Shubuh tidak boleh diqasharkan.

SYARAT-SYARAT QASHAR SOLAT:

1. Musafir itu bukan kerana maksiat seperti berjudi dan seumpamanya.
2. Jarak jauhnya perjalanan adalah melebihi 2 Marhalah (72 batu)
3. Hendaklah Solat secara tunai dan bukan secara Qadha.
4. Tidak boleh mengikut orang yang bersolat penuh empat rakaat.
5. Hendaklah berniat Solat Qashar.

SOLAT JAMA’:

Bagi seseorang dibolehkan menjama’ yakni menggabungkan Solat Zohor dengan ‘Ashar dan Solat Maghrib dengan ‘Isya secara Jama’ Taqdim atau Jama’ Ta’khir manakala Solat Subuh hendaklah dilakukan dalam waktunya dan tidak boleh dijama’.

SOLAT DALAM KENDERAAN:

Mengerjakan Solat dalam kapal dan sebagainya menurut cara yang mungkin dilakukan adalah sah dan gugurlah kewajiban menghadap Qiblat kerana yang menjadi Qiblatnya adalah arah ke mana kapal atau kenderaan itu menuju. Namun di saat Takbiratul-Ihram tetap dituntut menghadap Qiblat, dan jika tidak dapat Ruku’ dan Sujud seperti biasa, hendaklah dilakukan dengan secara isyarat.

FADHILAT ISTIGHFAR

Allah Ta’ala berfirman dalam Surah Hud ayat 3:

وَأَنِ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ يُمَتِّعْكُم مَّتَٰعًا حَسَنًا إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَيُؤْتِ كُلَّ ذِى فَضْلٍ فَضْلَهُۥ ۖ وَإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ كَبِيرٍ ۝

“Dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhan kamu dari perbuatan syirik, kemudian hendaklah kamu rujuk kembali taat kepadaNya supaya Dia memberi kamu nikmat kesenangan hidup yang baik di Dunia hingga ke suatu masa yang tertentu dan di Akhirat pula Dia akan memberi kepada tiap-tiap seorang yang mempunyai kelebihan dalam sebarang amal yang Salih akan pahala kelebihannya itu, dan jika kamu berpaling, maka sesungguhnya daku bimbang kamu akan beroleh azab hari Qiyamat yang besar huru-haranya.”

Daripada Ibnu ‘Abbas Radhiyallahu ‘Anhuma, Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda, “Sesiapa yang selalu beristighfar nescaya Allah akan menjadikan baginya kemudahan bagi setiap kesempitan, kesenangan bagi setiap kesedihan dan memberi rezeki tanpa diduga olehnya.” [Riwayat Imam Abu Daud]